

Hara ngākau kino | Review of hate crime law

Report summary — Bahasa Malaysia

Bagaimana undang-undang di Aotearoa New Zealand seharusnya menangani jenayah kebencian

APA YANG KAMI TEMUI

Di bawah undang-undang semasa, jika seseorang pesalah melakukan jenayah disebabkan oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang, faktor tersebut diambil kira oleh mahkamah semasa menjatuhkan hukuman. Semakan ini mempertimbangkan sama ada undang-undang semasa memberikan respons yang mencukupi terhadap jenayah kebencian atau sama ada perubahan perlu dibuat, seperti mewujudkan kesalahan jenayah kebencian yang baharu.

Kami mendapati bahawa terdapat beberapa masalah dengan cara undang-undang semasa berfungsi.

- Hakim tidak diwajibkan untuk memaklumkan dengan jelas kepada orang awam (contohnya melalui alasan penghakiman hukuman) bahawa sesuatu kesalahan merupakan jenayah kebencian dan bahawa perkara tersebut menjadikannya lebih serius.
- Apabila mahkamah mendapati bahawa sesuatu kesalahan didorong oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang, dapatan tersebut tidak direkodkan secara sistematik dan mudah diakses.
- Tiada proses yang jelas untuk memastikan mahkamah mengetahui bahawa sesuatu kesalahan mungkin didorong oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang dan mengambil kira perkara tersebut dalam keputusan mereka.

Daripada mewujudkan kesalahan jenayah kebencian yang baharu, kami berpendapat bahawa pendekatan yang lebih baik ialah menambah baik undang-undang semasa bagi menangani masalah-masalah ini.

Dalam laporan kami, kami mengemukakan syor untuk membantu memastikan bahawa motif permusuhan seseorang pesalah dikenal pasti dan dipertimbangkan secara konsisten oleh mahkamah, dinyatakan dengan jelas dalam alasan penghakiman hukuman, serta direkodkan secara sistematik.

Kami tidak mengesyorkan pewujudan kesalahan jenayah kebencian yang baharu. Kami tidak berpendapat bahawa langkah tersebut akan menyelesaikan masalah yang telah kami kenal pasti, malah kami berpendapat bahawa ia akan membawa beberapa kelemahan yang ketara.

MENGAPA SEMAKAN INI DIJALANKAN

Pada Mac 2024, Kerajaan telah meminta Te Aka Matua o te Ture | Suruhanjaya Undang-Undang untuk mengkaji semula cara undang-undang di Aotearoa New Zealand menangani jenayah kebencian — iaitu jenayah yang didorong oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang disebabkan oleh siapa mereka (contohnya kaum, agama, identiti jantina, orientasi seksual atau ketidakupayaan). Kerajaan meminta kami untuk meneliti sama ada undang-undang perlu dipinda bagi mewujudkan kesalahan jenayah yang didorong oleh kebencian.

Permintaan ini dibuat susulan serangan pengganas di masjid-masjid Christchurch pada tahun 2019. Serangan tersebut memberi kesan yang mendalam dan berpanjangan kepada komuniti Islam yang menjadi sasaran secara langsung, di samping menjejaskan negara secara keseluruhannya. Serangan ini membangkitkan kebimbangan tentang sama ada sistem keadilan memberikan respons yang mencukupi terhadap jenayah kebencian. Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai serangan tersebut menyatakan bahawa undang-undang perlu mengiktiraf dengan lebih jelas tahap keseriusan jenayah kebencian dan menghalang kesalahan sedemikian daripada berlaku pada masa hadapan. Suruhanjaya tersebut mengesyorkan agar kesalahan jenayah kebencian yang baharu diwujudkan.

APAKAH ITU JENAYAH KEBENCIAN?

Kami menggunakan istilah **"jenayah kebencian"** untuk merujuk kepada perbuatan yang sememangnya merupakan suatu jenayah dan didorong sepenuhnya atau sebahagiannya oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang yang berkongsi ciri tertentu. Ciri-ciri tersebut termasuk kaum, agama, orientasi seksual, identiti jantina, umur atau ketidakupayaan. Ciri-ciri ini dikenali sebagai "ciri yang dilindungi".

Beberapa contoh termasuk:

- serangan terhadap seseorang kerana agamanya;
- ugutan atau gangguan yang ditujukan kepada seseorang kerana orientasi seksualnya; dan
- vandalisme grafiti yang menyasarkan sesuatu komuniti kerana etnik mereka.

'Kebencian' dan 'permusuhan'

Walaupun istilah 'jenayah kebencian' lazim digunakan dan turut digunakan dalam terma rujukan yang kami terima daripada Kerajaan serta dalam tajuk semakan ini, istilah tersebut tidak digunakan dalam undang-undang New Zealand. Sebaliknya, undang-undang merujuk kepada kesalahan yang dilakukan 'disebabkan oleh permusuhan terhadap' sesuatu kumpulan orang. Atas sebab itu, dalam laporan kami, kami menggunakan istilah 'permusuhan' apabila merujuk kepada motivasi pesalah. Kami menggunakan istilah 'jenayah kebencian' dalam pengertian umum untuk menerangkan jenis kesalahan yang menjadi fokus semakan ini.

APA YANG DIPERUNTUKKAN OLEH UNDANG-UNDANG SEMASA

Di Aotearoa New Zealand, kami menggunakan 'model pemberatan hukuman' bagi undang-undang berkaitan jenayah kebencian.

Ini bermaksud mahkamah mengambil kira motif permusuhan sebagai **faktor yang memburukkan hukuman** apabila menjatuhkan hukuman terhadap seseorang yang telah disabitkan dengan sesuatu jenayah. Hal ini boleh menyebabkan hukuman yang lebih berat dikenakan. Sebagai contoh, pesalah mungkin perlu menjalani tempoh pemenjaraan yang lebih lama. Faktor pemberatan ini boleh diguna pakai bagi apa-apa kesalahan jenayah.

Aotearoa New Zealand tidak mempunyai kesalahan jenayah kebencian yang khusus. Hakikat bahawa sesuatu jenayah didorong oleh permusuhan tidak mengubah jenis kesalahan yang didakwa terhadap seseorang. Sebagai contoh, serangan yang didorong oleh perkauman tetap didakwa sebagai kesalahan serangan. Motif permusuhan hanya diambil kira semasa proses penjatuhan hukuman, selepas pesalah disabitkan dengan kesalahan tersebut.

Perkara yang dibincangkan dalam semakan ini

Persoalan utama dalam semakan ini ialah sama ada undang-undang di Aotearoa New Zealand perlu memperuntukkan kesalahan jenayah kebencian yang khusus (sama ada sebagai tambahan kepada atau menggantikan model pemberatan hukuman).

Semakan kami tidak mempertimbangkan sama ada sesuatu perbuatan yang pada masa ini bukan merupakan suatu kesalahan patut dijadikan menyalahi undang-undang. Skop semakan ini terhad kepada pertimbangan tentang bagaimana undang-undang jenayah seharusnya menangani perbuatan yang sememangnya menyalahi undang-undang apabila perbuatan tersebut juga didorong oleh permusuhan. Kesalahan seperti ugutan, intimidasi dan vandalisme grafiti sememangnya sudah merupakan kesalahan di sisi undang-undang.

Semakan kami juga tidak merangkumi undang-undang berkaitan ucapan kebencian. Yang dimaksudkan dengan ucapan kebencian ialah ucapan atau bentuk ekspresi yang menunjukkan kebencian atau permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang. Semasa proses perundingan, beberapa kumpulan menyatakan bahawa ucapan kebencian lebih membimbangkan banyak komuniti berbanding jenayah kebencian. Hal ini kerana ucapan kebencian dialami dengan lebih meluas serta boleh menyebabkan kesakitan emosi dan ketakutan. Sebaliknya, pihak lain yang mengemukakan pandangan berpendapat bahawa undang-undang mengenai ucapan kebencian akan mengehadkan hak kebebasan bersuara secara tidak munasabah. Kami mengiktiraf pandangan tersebut. Walau bagaimanapun, meneliti atau mengemukakan syor berkaitan undang-undang ucapan kebencian adalah di luar skop semakan kami.

Semakan kami terhad kepada perkara yang boleh dilakukan oleh undang-undang untuk memberikan respons yang lebih baik terhadap jenayah kebencian. Kami sedar bahawa usaha mengurangkan jenayah kebencian serta kemudahan yang ditimbulkannya memerlukan tindakan yang melangkaui undang-undang jenayah, termasuk penglibatan komuniti, pendidikan dan perkhidmatan sokongan.

APAKAH YANG MEMBEZAKAN JENAYAH KEBENCIAN DARIPADA JENAYAH LAIN?

Jenayah kebencian menyebabkan kemudaratan yang melangkaui mangsa secara langsung. Hal ini kerana jenayah kebencian menyasarkan seseorang berdasarkan identiti atau ciri dirinya. Antara bentuk kemudaratan yang disebabkan oleh jenayah kebencian ialah:

- **Kemudaratan kepada mangsa.** Mangsa sering mengalami kesan psikologi yang lebih mendalam kerana mereka disasarkan berdasarkan identiti atau ciri diri mereka. Keadaan ini boleh menimbulkan kebimbangan dan ketakutan yang berpanjangan.
- **Kemudaratan kepada komuniti.** Oleh sebab jenayah kebencian menyasarkan individu berdasarkan identiti mereka, ia menghantar mesej kepada seluruh komuniti yang berkongsi identiti tersebut bahawa mereka tidak selamat atau tidak dialu-alukan di Aotearoa New Zealand. Ahli komuniti tersebut mungkin berasa terancam, terdedah kepada risiko, marah dan cemas. Mereka juga mungkin menarik diri daripada kehidupan awam atau berasa tidak selamat untuk menzahirkan identiti, budaya atau kepercayaan mereka.
- **Kemudaratan kepada masyarakat.** Jenayah kebencian boleh memecahbelahkan komuniti, menjejaskan perpaduan sosial serta melemahkan kepercayaan terhadap institusi awam dan sistem keadilan.

Dengan menyasarkan mangsa berdasarkan identiti mereka, pelaku jenayah kebencian menjejaskan nilai-nilai penting yang dikongsi oleh ramai rakyat New Zealand, seperti kesaksamaan, toleransi dan maruah insan.

Atas sebab-sebab tersebut, Aotearoa New Zealand, seperti kebanyakan negara lain, menangani jenayah kebencian dengan lebih serius berbanding kesalahan yang serupa tetapi tidak didorong oleh permusuhan.

Sistem keadilan seharusnya memastikan pelaku dipertanggungjawabkan atas kesalahan yang didorong oleh permusuhan, menyampaikan mesej yang jelas kepada orang awam bahawa jenayah kebencian tidak boleh diterima, mengurangkan kejadian jenayah kebencian sedaya upaya, serta memberikan keyakinan kepada komuniti yang terjejas bahawa permusuhan terhadap mereka akan ditangani dengan serius. Kami melihat perkara-perkara ini sebagai objektif yang perlu dicapai oleh undang-undang berkaitan jenayah kebencian.

APA YANG KAMI KETAHUI TENTANG JENAYAH KEBENCIAN DI AOTEAROA NEW ZEALAND

Data yang tersedia masih tidak lengkap, namun maklumat yang kami miliki menunjukkan bahawa jenayah kebencian sememangnya berlaku di negara ini.

Polis mula merekodkan laporan jenayah kebencian secara sistematik pada tahun 2019. Rekod menunjukkan bahawa:

- jenayah kebencian yang dilaporkan merangkumi kira-kira 0.8 peratus daripada keseluruhan jenayah yang dilaporkan; dan
- bilangan laporan jenayah kebencian meningkat daripada kira-kira 3,452 insiden pada tahun 2021 kepada 5,918 insiden pada tahun 2025. Peningkatan ini mungkin mencerminkan penambahbaikan dalam proses pelaporan dan bukannya peningkatan dalam kadar jenayah.

Jenis-jenis kesalahan yang paling lazim dilaporkan ialah:

- gangguan dan perlakuan mengugut;
- gangguan ketenteraman awam;
- serangan; dan
- kerosakan harta benda.

Kebanyakan insiden yang dilaporkan melibatkan permusuhan berdasarkan kaum atau etnik, diikuti oleh orientasi seksual dan agama.

Rekod polis tidak memberikan gambaran yang menyeluruh. Tinjauan serta maklumat yang kami terima semasa sesi perundingan bagi semakan ini menunjukkan bahawa banyak insiden jenayah kebencian tidak dilaporkan.

APAKAH MASALAH YANG KAMI KENAL PASTI?

Kami mendapati bahawa terdapat beberapa masalah dengan undang-undang semasa.

- Hakim tidak diwajibkan untuk memaklumkan dengan jelas kepada orang awam (contohnya melalui alasan penghakiman hukuman) bahawa sesuatu kesalahan merupakan jenayah kebencian dan bahawa perkara tersebut menjadikannya lebih serius. Ini bermaksud jenayah kebencian mungkin tidak dikecam secara konsisten.
- Apabila mahkamah mendapati bahawa sesuatu kesalahan didorong oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang, dapatan tersebut tidak direkodkan secara sistematik dan mudah diakses. Keadaan ini mengehadkan keupayaan mahkamah, Polis New Zealand dan Jabatan Pemulihan untuk menangani pesalah dengan sewajarnya. Selain itu, ia menyukarkan penilaian sama ada sistem keadilan memberikan respons yang sepatutnya terhadap jenayah kebencian.
- Tiada proses yang jelas untuk memastikan mahkamah mengetahui bahawa sesuatu kesalahan mungkin didorong oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang dan mengambil kira perkara tersebut dalam keputusan mereka. Keadaan ini boleh menyebabkan sesetengah pesalah tidak dipertanggungjawabkan sepenuhnya atau peluang untuk mencegah kesalahan lanjut terlepas.

Kami membuat kesimpulan bahawa masalah-masalah ini adalah signifikan. Walau bagaimanapun, masalah tersebut tidak memerlukan model yang berbeza secara asas untuk menangani jenayah kebencian. Sebaliknya, masalah ini boleh ditangani melalui pembaharuan yang disasarkan terhadap model pemberatan hukuman sedia ada.

MENGAPA KAMI TIDAK MENGESYORKAN PEWUJUDAN KESALAHAN JENAYAH KEBENCIAN

Kami telah mempertimbangkan sama ada Aotearoa New Zealand perlu mewujudkan kesalahan jenayah baharu yang berasingkan bagi versi kesalahan sedia ada yang didorong oleh permusuhan — contohnya, kesalahan serangan yang didorong oleh permusuhan.

Pendekatan ini telah pun dilaksanakan di beberapa negara dan turut disyorkan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai serangan pengganas di Christchurch. Salah satu hujah yang menyokong pendekatan ini ialah ia mengiktiraf dan memperincikan dengan jelas dalam

undang-undang bahawa jenayah kebencian mempunyai sifat yang berbeza daripada kesalahan jenayah yang lain.

Kami membuat kesimpulan bahawa pendekatan ini bukanlah cara yang paling berkesan untuk menangani masalah yang telah kami kenal pasti serta menambah baik cara jenayah kebencian ditangani dalam amalan.

Mewujudkan kesalahan jenayah baharu akan memberikan beberapa manfaat, termasuk menambah baik proses perekodan dan pengecaman jenayah kebencian dalam kes yang melibatkan pesalah didakwa dan disabitkan atas kesalahan jenayah kebencian.

Walau bagaimanapun, pengalaman di luar negara serta maklum balas yang kami terima menunjukkan bahawa kesalahan jenayah kebencian yang baharu tidak akan dilaksanakan secara konsisten dalam amalan. Pendakwa raya berkemungkinan akan terus mendakwa pesalah di bawah kesalahan sedia ada dalam sesetengah kes (contohnya, mendakwa kesalahan serangan berbanding serangan yang didorong oleh permusuhan) kerana kesalahan tersebut lebih mudah dibuktikan dan defendan juga lebih cenderung mengaku bersalah terhadap pertuduhan tersebut. Sekiranya seseorang didakwa atas kesalahan jenayah kebencian, juri mungkin enggan mensabitkan kesalahan walaupun keterangan menyokong pertuduhan itu, disebabkan kebimbangan bahawa defendan akan distigmakan. Isu-isu ini akan menghadkan keupayaan kesalahan jenayah kebencian untuk menangani masalah yang telah kami kenal pasti dalam undang-undang semasa.

Pewujudan kesalahan jenayah kebencian juga akan menimbulkan masalah baharu.

- **Menjadikan prosiding mahkamah lebih panjang dan lebih rumit.** Pendakwa raya perlu membuktikan bahawa motif permusuhan wujud melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) semasa perbicaraan untuk mendapatkan sabitan. Ini mungkin memerlukan keterangan tambahan dikemukakan dan menyebabkan kes mengambil masa yang lebih lama untuk diselesaikan di mahkamah. Defendan juga berkemungkinan kurang cenderung untuk mengaku bersalah, sekali gus menyebabkan lebih banyak perbicaraan yang dipertikaikan.
- **Mengakibatkan motif permusuhan tidak diambil kira langsung dalam sesetengah kes.** Seperti yang dijelaskan di atas, pendakwa raya berkemungkinan tidak akan mendakwa secara konsisten di bawah kesalahan jenayah kebencian yang baharu dan, jika mereka berbuat demikian, juri mungkin enggan mensabitkan kesalahan. Jika pesalah didakwa atau disabitkan di bawah kesalahan sedia ada, motif permusuhan mereka mungkin tidak akan diambil kira sama sekali.
- **Meningkatkan beban terhadap mangsa.** Jika defendan didakwa atas kesalahan jenayah kebencian, mangsa berkemungkinan perlu memberikan keterangan mengenai dakwaan bahawa kesalahan tersebut didorong oleh permusuhan semasa perbicaraan. Keadaan ini mungkin menyebabkan mangsa mengalami tekanan emosi dan trauma semula.
- **Menjadikan undang-undang kurang fleksibel dan kurang bersedia menghadapi perubahan pada masa hadapan.** Kesalahan jenayah kebencian lazimnya terhad kepada jenis kesalahan tertentu dan ciri-ciri dilindungi tertentu. Jenis kesalahan lain yang didorong oleh permusuhan tetapi berada di luar skop kesalahan tersebut akan ditangani secara berbeza. Pindaan kepada undang-undang mungkin diperlukan bagi menangani bentuk-bentuk baharu jenayah kebencian.
- **Mengurangkan keseragaman undang-undang jenayah.** Motif permusuhan akan diberikan pertimbangan yang lebih serius berbanding faktor-faktor pemberatan lain

yang hanya diambil kira semasa penjatuhan hukuman (contohnya, jika mangsa merupakan individu yang sangat terdedah). Faktor-faktor lain mungkin sama pentingnya dengan motif permusuhan atau lebih penting, bergantung pada keadaan sesuatu kes..

Kami membuat kesimpulan bahawa pendekatan yang lebih baik ialah memperkukuh model pemberatan hukuman sedia ada melalui pembaharuan yang didasarkan.

MEMPERKUKUH UNDANG-UNDANG SEMASA: SYOR KAMI

Kami berpendapat bahawa model perundangan semasa — iaitu model pemberatan hukuman — merupakan pendekatan yang tepat. Walau bagaimanapun, beberapa perubahan diperlukan bagi memastikan kesalahan yang didorong oleh permusuhan dikenal pasti, direkodkan dan ditangani secara konsisten oleh sistem keadilan. Perubahan ini juga akan membantu Polis dan Jabatan Pemulihan menangani pesalah jenayah kebencian dengan sewajarnya serta menyokong proses membuat keputusan kerajaan dalam mengambil tindakan terhadap jenayah kebencian.

Mewujudkan penanda dalam rekod mahkamah bagi kesalahan yang didorong oleh permusuhan

Kami mengesyorkan agar penanda jenayah kebencian diwujudkan dalam sistem rekod mahkamah. Penanda ini akan memaklumkan hakim bahawa sesuatu kesalahan mungkin didorong oleh permusuhan. Semasa penjatuhan hukuman, hakim akan memutuskan, berdasarkan keterangan yang dikemukakan, sama ada kesalahan tersebut benar-benar didorong oleh permusuhan. Jika ya, hakim hendaklah merekodkan perkara tersebut secara rasmi.

Rekod rasmi ini akan memastikan bahawa, dalam mana-mana kes pada masa hadapan yang melibatkan pesalah yang sama, mahkamah mengetahui bahawa pesalah tersebut pernah melakukan kesalahan yang didorong oleh permusuhan. Perkara ini boleh mempengaruhi keputusan sama ada pesalah dibenarkan diikat jamin atau cara hukuman dijatuhkan. Kami juga mengesyorkan agar rekod mahkamah tersebut dikongsi dengan Polis dan Jabatan Pemulihan. Langkah ini akan membantu agensi-agensi tersebut mengenal pasti corak perlakuan dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan risiko berlakunya kesalahan lain yang didorong oleh permusuhan. Sebagai contoh, Polis boleh memutuskan untuk mendakwa seseorang jika mereka melakukan kesalahan sekali lagi, dan bukannya sekadar memberikan amaran. Jabatan Pemulihan pula boleh menawarkan sokongan pemulihan yang bersesuaian kepada pesalah serta mengambil langkah untuk melindungi kakitangan atau banduan lain yang mungkin menjadi sasaran pesalah tersebut.

Penanda dalam rekod mahkamah akan menambah baik data di peringkat kebangsaan, sekali gus membolehkan analisis terhadap respons sistem keadilan terhadap jenayah kebencian. Hal ini akan menyokong proses membuat keputusan kerajaan serta meningkatkan keyakinan orang awam terhadap sistem keadilan. Kami mengesyorkan agar data ini diterbitkan oleh Kementerian Kehakiman dan agar Polis menerbitkan data yang dikumpulkannya berhubung laporan jenayah kebencian.

Mewajibkan hakim menyatakan dengan jelas faktor permusuhan dalam alasan penghakiman hukuman

Kami mengesyorkan supaya hakim diwajibkan menyatakan dalam alasan penghakiman hukuman apabila mereka mendapati bahawa permusuhan merupakan faktor pendorong

sesuatu kesalahan.

Langkah ini akan membantu meyakinkan mangsa dan komuniti yang terjejas bahawa kemudahan yang mereka alami telah diiktiraf. Ia juga akan menyampaikan mesej yang jelas kepada orang awam bahawa jenayah kebencian tidak boleh diterima serta meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem keadilan.

Menjelaskan dan memperkukuh faktor pemberatan berdasarkan permusuhan

Kami turut mengesyorkan beberapa pindaan terhadap peruntukan sedia ada mengenai faktor pemberatan berdasarkan permusuhan bagi menjelaskan kesan pemakaiannya.

Kami mengesyorkan supaya syarat bahawa pesalah mesti mempercayai mangsa mempunyai ciri yang dilindungi dimansuhkan. Langkah ini akan memastikan faktor pemberatan tersebut boleh diguna pakai, sebagai contoh, apabila mangsa disasarkan kerana kaitannya dengan sesuatu kumpulan yang menjadi sasaran, walaupun bukan sebagai anggotanya (contohnya seorang doktor yang memberikan penjagaan kepada golongan transgender), atau apabila mangsa ialah orang awam yang tidak terlibat. Kesalahan tersebut masih perlu didorong oleh permusuhan terhadap sesuatu kumpulan orang yang mempunyai ciri bersama yang berkekalan.

Kami juga mengesyorkan agar jantina ditambahkan dalam senarai ciri yang dilindungi di bawah faktor pemberatan tersebut. Langkah ini akan memastikan undang-undang memperjelas bahawa kesalahan yang didorong oleh permusuhan terhadap wanita hendaklah dianggap sebagai jenayah kebencian.

Menyokong perubahan undang-undang melalui panduan dan latihan

Kami mengesyorkan agar panduan dan latihan disediakan kepada pegawai polis dan pendakwa raya bagi memastikan mereka dimaklumkan tentang sebarang perubahan kepada undang-undang hasil daripada semakan ini.

Pertimbangan juga wajar diberikan untuk membangunkan panduan dan menyediakan latihan kepada hakim mengenai sebarang perubahan kepada undang-undang.

APA YANG AKAN BERLAKU SETERUSNYA

Kami ialah sebuah entiti Mahkota yang bebas. Peranan kami adalah untuk mengkaji semula undang-undang di Aotearoa New Zealand dan mengemukakan syor kepada Kerajaan bagi menambah baik undang-undang tersebut. Suruhanjaya Undang-Undang tidak mempunyai kuasa untuk meminda perundangan atau menetapkan dasar.

Syor kami, berserta alasan yang menyokongnya, telah dihuraikan secara terperinci dalam laporan akhir yang dikemukakan kepada Kerajaan. Kerajaan akan mempertimbangkan nasihat kami dan memutuskan sama ada untuk melaksanakan syor-syor tersebut.



Address: Level 9, Solnet House, 70 The Terrace, Wellington 6011

Postal: PO Box 2590, Wellington 6140

Telephone: 0800 832 526

Email: com@lawcom.govt.nz